



**KERTAS PENILAIAN SEBUT HARGA UNTUK
PERTIMBANGAN JAWATANKUASA SEBUT HARGA A**

**PERKHIDMATAN KERJA-KERJA MERANCANG,
MELAKSANA, MEMBERSIH DAN MENJAGA KEPERLUAN
LANSKAP KAWASAN IBU PEJABAT PERBADANAN
PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN
DARI 1 NOVEMBER 2020 – 31 OKTOBER 2022
(24 BULAN)**

LAPORAN JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA

PERKHIDMATAN KERJA-KERJA MERANCANG, MELAKSANA, MEMBERSIH DAN
MENJAGA KEPERLUAN LANSKAP KAWASAN IBU PEJABAT PERBADANAN
PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
DARI 1 NOVEMBER 2020 – 31 OKTOBER 2022 (24 BULAN)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan laporan ini adalah bagi mendapatkan pertimbangan mesyuarat jawatankuasa sebut harga A bagi melantik pembekal untuk perkhidmatan kerja-kerja merancang, melaksana, membersihkan dan menjaga keperluan lanskap kawasan ibu pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

2.0 LATAR BELAKANG

Pada masa ini, perkhidmatan bagi penyelenggaraan membersihkan dan menjaga lanskap di Ibu Pejabat MPC dilaksanakan oleh DE PAHLAWAN ENTERPRISE bermula dari 1 Ogos 2018 sehingga tamat pada 31 Oktober 2020 (tempoh kontrak selama 27 bulan).

Kos perbelanjaan bagi perkhidmatan tersebut adalah sebanyak RM 8,986.00 / bulan atau RM 242,622.00 / 27 bulan.

3.0 KAEDAH PENILAIAN

- 3.1 Tawaran-tawaran telah dinilai daripada tiga aspek iaitu spesifikasi am, harga perkhidmatan dan keupayaan kewangan.

- 3.2 Penilaian spesifikasi am meliputi aspek profail syarikat dan pematuhan kepada dokumen sebut harga. Maklumat profil syarikat yang direkodkan adalah seperti berikut:

- i) Jenis perniagaan
- ii) Tempoh sah pendaftaran
- iii) Bilangan kakitangan teknikal

manakala pematuhan kepada dokumen sebut harga disemak dari segi:

- i) Borang sebut harga dan surat akuan pembida
- ii) Lampiran A, B, C, D, E dan F di mana:

LAMPIRAN	KETERANGAN
A	Maklumat penyebut harga
B	Butir-butir kerja/ perkhidmatan/ pembekalan yang telah dijalankan dalam tempoh tiga tahun yang lampau/ sekarang
C	Senarai kakitangan syarikat
D	Kemudahan pengangkutan
E	Kemudahan bengkel/ stor
F	Senarai semakan

3.3 Di bawah spesifikasi harga perkhidmatan, penilaian dibuat meliputi maklumat harga terendah sehingga harga tertinggi tawaran.

3.4 Penilaian spesifikasi keupayaan kewangan seperti berikut:

- i) Modal perniagaan
- ii) Penyata Bulanan Akaun Syarikat (3 bulan)
- iii) Penyata Kewangan Syarikat

3.0 PENILAIAN TAWARAN

3.1 Matriks Skema Pemarkahan Mengikut Keutamaan bagi spesifikasi harga perkhidmatan, butiran terperinci maklumat spesifikasi-spesifikasi am dan keupayaan kewangan penyebut harga adalah seperti di jadual bawah.

3.2 Spesifikasi Am

Butiran terperinci maklumat spesifikasi am penyebut harga adalah seperti berikut:

Bil.	Penyebut harga	Tempoh sah pendaftaran	Bil kakitangan	Surat Akaun Penyebut harga	Lampiran A-F	Jumlah skor (/7)	Wajaran (15%)
1	1/12	1 (09/03/20-28/03/23)	1	1	0*	3	6.42
2	2/12	1 (16/05/18-20/06/21)	3	1	1	6	12.85
3	3/12	1 (12/12/19-18/12/22)	2	1	0**	4	8.57
4	4/12	1 (07/11/18-15/12/21)	2	1	1	5	10.71
5	5/12	1 (18/11/17-18/01/21)	4	1	1	7	15.00
6	6/12	1 (08/12/18-05/12/21)	4	1	1	7	15.00
7	7/12	1 (08/11/17-07/11/20)	2	1	0***	4	8.57
8	8/12	1 (31/05/18-30/05/21)	1	1	1	4	8.57
9	9/12	1 (27/11/18-26/11/21)	4	1	0****	6	12.85
10	10/12	1 (14/07/18-16/09/21)	2	1	0*****	4	8.57
11	11/12	1 (04/12/17-03/12/20)	2	1	0*****	4	8.57
12	12/12	1 (06/02/18-05/02/21)	3	1	1	6	12.85
		1: sah 0: tidak sah	4: >15 3: 10-15 orang 2: 4-9 orang 1: 1-3 orang 0: tiada	1: lengkap 0: tidak lengkap	1: lengkap 0: tidak lengkap		

*Penyebut harga 1/12 dikeluarkan daripada penilaian seterusnya Keupayaan Kewangan – Pembekal tidak tulis/lampirkan pada LAMPIRAN D & LAMPIRAN E

**Penyebut harga 3/12 dikeluarkan daripada penilaian seterusnya Keupayaan Kewangan – Pembekal tidak tulis/lampirkan pada LAMPIRAN D & LAMPIRAN E

***Penyebut harga 7/12 dikeluarkan daripada penilaian seterusnya Keupayaan Kewangan – Pembekal tidak tulis/lampirkan pada LAMPIRAN E

****Penyebut harga 9/12 dikeluarkan daripada penilaian seterusnya Keupayaan Kewangan – Pembekal tidak tulis/lampirkan pada LAMPIRAN B & LAMPIRAN E

*****Penyebut harga 10/12 dikeluarkan daripada penilaian seterusnya Keupayaan Kewangan – Pembekal tidak tulis/lampirkan pada LAMPIRAN B

*****Penyebut harga 11/12 dikeluarkan daripada penilaian seterusnya Keupayaan Kewangan – Pembekal tidak tulis/lampirkan pada LAMPIRAN E

Secara Keseluruhannya, Penyebut harga 1/12, 3/12, 7/12, 9/12, 10/12 dan 11/12 telah digugurkan untuk proses pemilihan seterusnya kerana tidak memenuhi Spesifikasi Am.

3.3 Spesifikasi Keupayaan Kewangan

Butiran terperinci maklumat spesifikasi keupayaan kewangan penyebut harga yang telah layak adalah seperti berikut:

Bil	Penyebut Harga	Modal Berbayar	Baki Akaun (Semasa)	Penyata Kewangan Syarikat	Jumlah Skor (/9)	Wajaran (15%)
1	2/12	3	2	1	6	9.99
2	4/12	1	2	1	4	6.66
3	5/12	1	2	1	4	6.66
4	6/12	1	1	1	3	4.99
5	8/12	1	1	1	3	4.99
6	12/12	1	2	1	4	6.66
		4: >RM 1 juta 3: RM 600,001 Hingga RM 1 juta 2: RM 300,001 hingga RM 600,000 1: <RM300,000 0: tiada maklumat	4: >RM600,001 3: RM300,001 hingga RM600,000 2: RM100,001 hingga RM300,000 1: <RM100,000	1: Dikemukakan 0: Tidak dikemukakan		

3.4 Spesifikasi Harga Perkhidmatan

3.5 Matriks Skema Pemarkahan mengikut keutamaan bagi spesifikasi harga perkhidmatan adalah seperti berikut:

Bil	Penyebut Harga	Harga Yang Ditawarkan (termasuk SST)	Peratusan Dari Harga Terendah	Markah	Wajaran (70%)
1	2/12	204,000.00	0.00	7	70%
2	4/12	222,000.00	8.82	6	60%
3	5/12	228,000.00	11.76	5	50%
4	*6/12	115,200.00	DIKELUARKAN		
5	8/12	213,600.00	4.70	6	60%
6	12/12	218,400.00	7.05	6	60%

*Penyebut Harga 6/12 di keluarkan kerana Harga Yang Ditawarkan terlalu rendah dan tidak relevan untuk jangkaan keseluruhan perbelanjaan yang merangkumi kos penggajian 4 pekerja (Gaji Minimum = RM1200/bulan/pekerja), pembelian peralatan dan bahan serta kos upah syarikat.

Markah

7	Harga Terendah
6	0-10 peratus dari harga terendah
5	>10-25 peratus dari harga terendah
4	>25-50 peratus dari harga terendah
3	>50-80 peratus dari harga terendah
2	>80 peratus dari harga terendah
1	>100 peratus dari harga terendah

3.6 Ringkasan markah wajaran adalah seperti berikut:

BIL	PENYEBUT HARGA	SPESIFIKASI AM	SPESIFIKASI KEUPAYAAN KEWANGAN	SPESIFIKASI HARGA PERKHIDMATAN	JUMLAH MARKAH	KEDUDUKAN
		WAJARAN				
		15%	15%	70%	100%	
1	2/12	12.85	9.99	70	92.84	1
2	4/12	10.71	6.66	60	77.37	3
3	5/12	15.00	6.66	50	71.66	5
4	8/12	8.57	4.99	60	73.56	4
5	12/12	12.85	6.66	60	79.51	2

- 3.7 Penyebutharga 2/12 merekodkan jumlah markah wajaran tertinggi sebanyak **92.84%**, diikuti dengan penyebutharga kedua tertinggi iaitu 12/12 sebanyak 79.51%, kemudian penyebutharga ketiga tertinggi iaitu 4/12 sebanyak 77.37%. Penyebutharga keempat tertinggi iaitu 8/12 sebanyak 73.56% dan akhir sekali penyebutharga 5/12 iaitu sebanyak 71.66%.

4.0 PENGALAMAN

Penyebut Harga	Pengalaman Kerja Semasa	Tempoh Siap	Nilai Kontrak (RM)
2/12	1.Lanscape Maintenance Services Pertaining To The Prime Minister's Office (PMO), Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Persekutuan, Parcel A, Putrajaya	01/06/2017 – 31/05/2020 (3 tahun)	3,512,646.00
	2.Kerja-kerja penyelenggaraan lanskap lembut Kawasan pintu masuk (2) Putrajaya	15/02/2017 – 14/02/2019 (2 tahun)	319,652.00
4/12	1.Kerja-kerja menyelenggara lanskap di Zon 5B – SS22 & SS22A Petaling Jaya Selangor	01/10/2016 – 30/09/2018 (2 tahun)	647,640.00
	2. Kerja-kerja lanjutan menyelenggara lanskap di Zon 5B – SS22 & SS22A Petaling Jaya Selangor	01/10/2018 – 30/09/2019 (1 tahun)	323,820.00
5/12	1. Kerja-kerja menyelenggara lanskap di Zon 10 – Sekyen 16 & 17 Petaling Jaya Selangor	01/10/2016 – 30/09/2018 (2 tahun)	721,320.00
	2. Kerja-kerja lanjutan menyelenggara lanskap di Zon 10 – Sekyen 16 & 17 Petaling Jaya Selangor	01/10/2018 – 30/09/2019 (1 tahun)	360,660.00
8/12	1.Perkhidmatan kerja-kerja melaksana, membersihkan & menjaga keperluan lanskap ibu pejabat MPC Petaling Jaya Selangor	01/08/2016 – 31/07/2018 (2 tahun)	196,171.20
	2.Perkhidmatan pembersihan Kawasan & penyelenggaraan lanskap pakej C di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	01/12/2016 – 30/11/2018 (2 tahun)	1,894,244.00
12/12	1.Kerja-kerja pembersihan luaran di Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara Kuala Lumpur	01/09/2016 – 30/08/2018 (2 tahun)	207,600.00
	2.Kerja-kerja Penyelenggaraan taman mainan di Wisma MBSA Shah Alam Selangor	01/05/2019 – 30/04/2021 (2 tahun)	314,127.36

5.0 SYOR

- 5.1 Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) mengesyorkan **Penyebut harga 2/12** ditawarkan sebagai pembekal untuk perkhidmatan kerja-kerja merancang, melaksana, membersihkan dan menjaga keperluan lanskap kawasan ibu pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan kerana memenuhi spesifikasi am, menawarkan harga perkhidmatan terendah serta mempunyai keupayaan kewangan yang baik.



Disediakan oleh:


(MUHAMMAD AFZANI AHMAD)
 Penolong Jurutera
 Unit Teknikal / Bahagian Khidmat
 Pengurusan & Kewangan
 Tarikh: 28/9/2020

Disahkan oleh:


(NORAZLINA TUN IBRAHIM)
 Pengurus
 Unit Teknikal & Aset / Bahagian Khidmat
 Pengurusan & Kewangan
 Tarikh: 28/9/2020

DISYORKAN OLEH JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)

Disyorkan: 	Disyorkan: 	Disyorkan: 
Nama: Mohd Hilmi Mohd Idris Pengerusi JPH Tarikh: 28/9/2020	Nama: Norashima Hamzah Ahli JPH Tarikh: 28/9/2020	Nama: Amir Qamar Zakaria Ahli JPH Tarikh: 28/9/2020
Komen/ cadangan: syor yang dibuat memenuhi spesifikasi untuk menawarkan pemilihan pembekal bertajaan	Komen/ cadangan: Disyorkan	Komen/ cadangan: Disyorkan

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)**

Tarikh : 28 September 2020
Masa : 12pm hingga 1pm
Tempat : MyBPRC, Blok Inovasi
Tajuk Kertas : Memilih pembekal bagi Perkhidmatan kerja-kerja merancang, melaksana, membersihkan dan menjaga keperluan lanskap kawasan ibu pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Kehadiran:

1. Pengerusi JPH : Norazlina Tun Ibrahim
2. Ahli JPH 1 : Norashima Hamzah
3. Ahli JPH 2 : Amirul Qamar Zakaria
4. Penyedia Laporan JPH : Muhammad Afzani Ahmad


AGENDA

1. Ucapan pengerusi
 - Pengerusi telah mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli JPH yang telah menghadiri mesyuarat.
2. Latar belakang projek
 - Pada masa ini, perkhidmatan kerja-kerja merancang, melaksana, membersihkan dan menjaga keperluan lanskap di ibu pejabat MPC dilaksanakan oleh DE PAHLAWAN ENTERPRISE bermula dari 1 Ogos 2018 sehingga tamat pada 31 Oktober 2020 (tempoh kontrak selama 27 bulan). Kos perbelanjaan bagi perkhidmatan tersebut adalah sebanyak RM 8986.00 / bulan atau RM 242,622.00 / 27 bulan
3. Perbincangan
 - Mesyuarat telah berbincang dan bersetuju iaitu kos anggaran baru bagi perkhidmatan tersebut adalah sebanyak RM 9884.60 / bulan atau RM 237,230.40 / 2 tahun dimana pertambahan sebanyak 10% daripada kos perbelanjaan lama dicadangkan diatas justifikasi kenaikan harga barang.
4. Pengesyoran
 - Mesyuarat telah bersetuju mengesyorkan kontraktor/pembekal **2/12** untuk melaksanakan kerja-kerja merancang, melaksana, membersihkan dan menjaga keperluan lanskap di ibu pejabat MPC Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
 - Pengesyoran ini dilakukan adalah berdasarkan harga terendah dan pengalaman yang berkaitan.

Disediakan oleh:


(Muhammad Afzani Ahmad)
Penolong Jurutera / Penyedia Laporan JPH
Bahagian MSF
Tarikh: 28/9/2020

Disahkan oleh:


(Norazlina Tun Ibrahim)
Pengerusi JPH
Bahagian MSF
Tarikh: 28/9/2020

Bil Kertas: _____
(Untuk diisi oleh Urusetia
PCT)

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)**

Tarikh : 28 September 2020
Masa : 12pm hingga 1pm
Tempat : MyBPRC tingkat 1 Blok Inovasi
Tajuk Kertas: Perkhidmatan kerja-kerja merancang, melaksana, membersihkan dan menjaga keperluan lanskap kawasan ibu pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Petaling Jaya, Selangor.

Bil.	*Nama	Tandatangan
1	Norazlina Tun Ibrahim	
2	Norashima Hamzah	
3	Amirul Qamar Zakaria	
4	Muhammad Afzani Ahmad	

***Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH)**

Merujuk kepada mesyuarat di atas, kami adalah dengan sesungguhnya dan seterusnya mengisytiharkan bahawa:

- i. Kami telah menjalankan tugas sebagai Pengerusi/Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- ii. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat kami mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh kami;
- iii. Kami tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88); dan
- iv. Kami sesungguhnya faham bahawa jika kami melanggar mana-mana terma dalam Akuan ini, kami boleh dikenakan tindakan di bawah Akta 605, Akta badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

TEMPAHAN BILIK/DEWAN

Tempahan Oleh: Muhammad Afzani Ahmad/CSV/CSF/KP/MPC
No. Tel. / samb.: 498

1. Nama Bilik/Dewan: MYBPRC (6 Pax)-Tingkat 1, Blok Inovasi

2. Tarikh Tempahan: 28/09/2020

Masa Mula:

12.00

Masa Tamat:

13.00

Tempoh: 1 jam

3. Tujuan: Mesyuarat

4. Pengerusi Mesyuarat: Tidak Berkaitan

5. Nama Mesyuarat: Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Harga